



**SIARAN MEDIA**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

**AKAUN-AKAUN PALSU DI PLATFORM MEDIA SOSIAL YANG**  
**MENGGUNAKAN NAMA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Tarikh: 20 April 2022

1. Merujuk kepada akaun di Instagram dengan nama 'Ministry\_loan\_Brunei'; dan Facebook dengan nama 'Ministry Personal Loan Brunei', Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bahawa **tidak ada akaun-akaun rasmi** Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan nama yang demikian. Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memaklumkan bahawa pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi tidak pernah menawarkan pinjaman kewangan peribadi kepada orang awam sebagaimana yang dinyatakan di dalam akaun-akaun berkenaan.
2. Akaun-akaun rasmi Kementerian Kewangan dan Ekonomi di dalam Instagram adalah 'mofebrunei' dan di dalam Facebook adalah 'Ministry of Finance and Economy Brunei Darussalam'.
3. Pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah membuat laporan kepada pihak-pihak berkuasa mengenai akaun-akaun palsu berkenaan bagi siasatan selanjutnya.
4. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi jika terdapat maklumat yang mencurigakan atau tidak sah mengenai kementerian ini. Menyebarkan maklumat tidak sah/palsu merupakan kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada denda sehingga BND\$3,000 atau 3 bulan penjara atau keduanya di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148.